

Bicara kes Utusan saman Teresa Kok 21 Mac
Malaysiakini.com
January 14, 2011

Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur menetapkan 21 Mac untuk perbicaraan kes saman Utusan Melayu (M) Berhad terhadap ahli parlimen Seputeh daripada DAP, Teresa Kok yang didakwa mengeluarkan pernyataan berunsur fitnah terhadap akhbar terbitan syarikat itu.

Timbalan Pendaftar Nor Azlin Othman menetapkan tarikh itu ketika kes disebut di kamar beliau hari ini.

Pada Februari 2009, Utusan Melayu Berhad menyerahkan writ saman dan pernyataan tuntutan kepada Kok, 47, kerana didakwa mengeluarkan pernyataan berunsur fitnah terhadap akhbar Utusan Malaysia.

Ia berikutan dakwaan wakil rakyat itu kononnya akhbar harian itu telah memutar-belitkan pernyataan-pernyataan beliau berhubung makanan yang disajikan kepadanya semasa beliau berada dalam tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 2008.

Berdasarkan pernyataan tuntutan, Utusan Malayu Berhad menyatakan, pernyataan-pernyataan Kok itu telah dibuat pada 22 September 2008 dan ia telah diterbitkan oleh media-media tempatan serta blog beliau sendiri.

Syarikat itu menuntut perintah supaya Kok mengeluarkan artikel-artikel, perkataan, petikan atau komen yang berunsur fitnah dari laman blog dan lamanweb tersebut selain menuntut gantirugi am, khas, tambahan dan punitif serta faedah bagi ganti rugi yang diberikan selain daripada kos serta relif lain.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/153386>